

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

BH M155 NASIONAL 22/12/2024(AHAD)

KKM sedia ambil pendekatan 'seluruh negara' atasi isu

Kuala Lumpur: Langkah Bank Negara Malaysia (BNM) mengawal selia kenaikan premium insurans dan takaful perubatan dan kesihatan (MHIT) adalah intervensi jangka pendek supaya rakyat tidak terbeban dengan inflasi yang mendadak.

Kementerian Kesihatan (KKM) yang menyambut baik langkah interim diumumkan BNM itu memaklumkan, bagi kesan jangka panjang, usaha bersepadu dengan mengambil pendekatan seluruh negara atau *whole-of-nation* perlu dilaksanakan.

KKM akan meneruskan inisiatif sedia ada yang akan diselenggarakan melalui siri libat urus dengan pemegang taruh termasuk hospital swasta, klinik swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), industri MHIT, ahli ekonomi kesihatan dan lain-lain.

Di samping itu, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1996 [Akta 586] akan disemak semula bagi memperkuatkan kerangka kawal selia sektor kesihatan swasta.

Ini bertujuan menjamin kesak-

samaan akses orang ramai kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti tinggi dan berasaskan nilai.

"KKM akan terus bekerjasama dengan semua pihak untuk memastikan isu ini ditangani secara holistik dan menjamin penjagaan kesihatan sejagat untuk semua," katanya dalam kenyataan, semalam.

Ambil langkah proaktif

Bagi menangani inflasi, KKM mengambil langkah proaktif termasuk melalui Rakan KKM dengan menawarkan pilihan perkhidmatan 'ekonomi premium' pada harga munasabah dan mampu milik di fasiliti KKM.

KKM turut mengambil tindakan membangunkan Diagnosis Related Groups (DRGs) kebangsaan sebagai mekanisme pembayaran perkhidmatan bagi menggalakkan perkhidmatan kesihatan berasaskan nilai (VBHC) di sektor swasta dan awam.


KKM juga memudahkan cara dan menggalakkan lebih banyak pengeluaran mendaftarkan produk,

terutama ubat-ubatan generik dan peranti perubatan dengan badan kawal selia negara, selain bekerjasama dengan BNM dan beberapa pihak lain untuk pembangunan produk MHIT yang lebih mampan.

Sementara itu, Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Persatuan Takaful Malaysia (MTA) dan Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dalam kenyataan bersama berkata, pihak industri akan bekerjasama dengan BNM, KKM dan Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) untuk membangunkan strategi mampan bagi menangani kesan kewangan daripada peningkatan kos penjagaan kesihatan dan tuntutan perubatan yang meningkat.

"Ini termasuk penubuhan dana RM60 juta oleh kerajaan, syarikat insurans, pengendali takaful dan hospital swasta untuk mempercepatkan reformasi kesihatan yang lebih menyeluruh dalam sistem penjagaan kesihatan Malaysia.

"Sebahagian daripada dana itu akan digunakan untuk memudah-



KKM mengambil langkah proaktif menawarkan pilihan perkhidmatan 'ekonomi premium' pada harga munasabah dan mampu milik di fasiliti KKM. (Foto fail NSTP)

kan pembangunan produk asas MHIT yang melindungi penjagaan kesihatan yang perlu dan membolehkan pemegang polisi/peserta takaful berumur 60 tahun dan ke atas untuk beralih kepada produk asas baharu apabila tersedia," kata kenyataan itu.

Persatuan berkenaan berkata ia memahami sensitiviti isu premium insurans dan takaful kesihatan dan tetap komited untuk membantu pemegang polisi/peserta takaful sepanjang tempoh peralihan itu.

BERNAMA

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA M/S 3 D/NEGERI 22/12/2024 (AHAD)

Hospital awam terbeban jika doktor terus berhenti

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Hospital awam dibimbangi akan terbeban dan tidak lagi mampu menampung jumlah pesakit sekiranya trend peletakan jawatan dalam kalangan doktor perubatan tidak diatasi secara tuntas selain kenaikan premium insurans kesihatan.

Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PPPKAM), Prof Dr Jamaluddin Ab Rahman berkata, keadaan itu tidak mustahil berlaku ekoran dalam tempoh lima tahun sahaja iaitu dari 2019 hingga 2023, seramai 6,417 pegawai perubatan lantikan tetap dan kontrak meletakkan jawatan.

“Walaupun doktor semakin tiada, pesakit di hospital awam semakin bertambah dan tidak berkurang. Hospital swasta pula menghadapi kenaikan kos perubatan lalu menyebabkan kenaikan premium insurans.

“Jadi, apabila insurans pe-

sakit sudah tidak boleh tampung kos itu, mereka akan pergi ke mana? Sudah pasti ke hospital awam,” katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia*.

Dalam tempoh sama juga, 1,046 pakar perubatan meninggalkan perkhidmatan awam, selain 63 orang memilih untuk bersara pilihan.

Bank Negara Malaysia (BNM) sebelum ini memberi jaminan sekurang-kurangnya 80 peratus pemegang polisi menghadapi pelarasan premium tahunan yang disebabkan oleh inflasi tuntutan perubatan, kurang daripada 10 peratus.

Dr Jamaluddin berkata, sekiranya pesakit terus bertambah dan tenaga kerja semakin berkurang, ia juga akan menyebabkan tekanan kepada pegawai perubatan sedia ada yang akhirnya akan turut memilih meninggalkan sektor kesihatan awam.

“Ramai doktor lebih sanggup untuk keluar daripada hospital awam dan mencari pekerjaan lain daripada terus

berhadapan tekanan kerja yang sangat tinggi,” katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Majlis Dekan Fakulti Perubatan Universiti Awam Malaysia berkata, naratif lambakan graduan perubatan dan isu doktor kontrak merupakan antara penyebab masalah ini berlaku.

Jelasnya, lambakan graduan perubatan hanya berlaku pada tempoh sekejap sahaja dan seterusnya masalah kekurangan pelajar berlarutan disebabkan percaya terhadap naratif itu serta bimbang tiada pekerjaan di hospital awam sekiranya mereka menamatkan pengajian.

“Sumber tenaga kerja sektor kesihatan, kita dapat daripada graduan perubatan, jumlah mereka di dalam negara sekitar 5,000 dengan 1,500 orang dari universiti awam, 1,500 orang dari universiti swasta dan 2,000 lagi diisi oleh mana-mana keluarga yang menghantar anaknya ke luar negara untuk menjadi doktor melalui kelayakan antarabangsa seperti ke Indonesia,

India serta Russia.

“Tetapi data terkini menunjukkan pengeluaran graduan perubatan dari Malaysia adalah kekal sama tetapi graduan daripada universiti luar negara berkurangan. Antara sebabnya adalah pandemik sebelum ini dan kemungkinan berlaku lambakan graduan doktor.

“Kononnya kita sudah memenuhi kuota doktor dalam negara dan bilangannya sudah lagi bukan kritikal, naratif-naratif ini sudah keluar serta disokong atau ditambah pula dengan ketiadaan perjawatan tetap baharu untuk doktor. Doktor sedia ada kena berusaha untuk mendapatkan jawatan kontrak,” jelasnya.

Beliau berkata, naratif tersebut menyebabkan terdapat ibu bapa yang merasakan anaknya tidak akan mempunyai masa depan sekiranya menjadi seorang doktor, lalu mereka enggan melakukan pelaburan untuk anaknya melanjutkan pengajian dalam perubatan di luar negara.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

SINAR AHAD | 22 DISEMBER 2024

NASIONAL | 9

Saya dah bayar kompaun kesalahan merokok – Tok Mat

SEREMBAN - Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan mengesahkan beliau telah pun menjelaskan kompaun kesalahan merokok yang dikenakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terhadapnya baru-baru ini.

Beliau berkata, kompaun tersebut dibayar sehari selepas menerima notis da-

ripada Pegawai Kesihatan Daerah Seremban.

"Saya dah bayar sehari selepas terima notis itu. Alhamdulillah..." katanya ringkas.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas hadir merasmikan Pertandingan E-Sport (MLBB) Piala Tok

Mat di sini pada Sabtu.

Sebelum ini tular gambar Timbalan Presiden UMNO itu sedang memegang sebatang rokok ketika duduk bersama sekumpulan lelaki di premis awam dipercayai sebuah restoran.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad kemudiannya menerusi

platform media sosial X berkata, Mohamad sendiri meminta supaya dikompaun susulan gambarnya tular.

Katanya lagi, pihaknya berpegang kepada prinsip bahawa tiada siapa pun boleh mengatasi undang-undang.

Mohamad sebelum itu turut dilaporkan memohon maaf atas kesilapannya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

BH M/S 5 NASIONAL 22/12/2024 (Ahad)

'Caj lebih tinggi di hospital swasta jika guna insurans'

Kos rawatan dikenakan berbeza antara bayar tunai dengan guna surat jaminan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan terdapat caj perubatan yang berbeza dan tidak telus terpaksa dibayar oleh pemegang insurans berbanding mereka yang membayar secara tunai di hospital swasta.

Perkara itu dinyatakan BNM dan KKM pada taklimat kepada Ahli Parlimen, baru-baru ini.

Ia dibangkitkan sekumpulan Ahli Parlimen PH, iaitu Sim Tze Tzin (Bayan Baru), Jimmy Pua (Tebrau), Taufiq Johari (Sungai Petani), Chiew Choon Mun (Miri) dan R Yuneswaran (Segamat) ser-

ta Senator Bob Manolan yang berkata, mereka menerima pelbagai aduan caj yang tidak telus dan berlipat ganda diberikan oleh hospital swasta.

"Contohnya, pesakit denggi yang menggunakan surat jaminan (GL) membayar RM4,978, manakala pesakit *pay and claim* hanya membayar RM1,288 dengan perbezaan empat kali ganda.

"Pesakit pneumonia yang menggunakan GL membayar RM6,859 dan pesakit *pay and claim* hanya membayar RM2,654, dengan perbezaan tiga kali ganda, manakala pesakit katarak yang membayar RM6,000 melalui insurans, manakala yang tidak berinsurans hanya membayar RM3,000 dengan perbezaan sekali ganda.

"Mangsa kemalangan yang memasuki hospital swasta juga dicaj RM200,000, manakala memasuki HUKM hanya RM70,000 untuk merawat kaki patah, dengan perbezaan tiga kali ganda. Mengapa berlaku perbezaan ketara?" kata mereka dalam satu kenyataan bersama semalam.

BNM kelmarin mengeluarkan empat langkah interim yang dipersetujui oleh industri insurans



Keratan akhbar BH semalam.

dan takaful untuk membantu pemegang polisi yang mengalami perubahan pada premium produk MHIT.

Caj HSS hingga 70 peratus

Mengulas lanjut, kumpulan Ahli Parlimen itu berkata, BNM turut menunjukkan caj bekalan dan perkhidmatan (*hospital supplies dan services* atau HSS) setinggi 59 peratus hingga 70 peratus berbanding jumlah bil perubatan.

Komponen HSS terdiri daripada barangan seperti makmal dan pengimejan, ubat-ubatan, kejururawatan, peralatan perubatan (contohnya ventilator perubatan dan mesin dialisis) dan pelbagai barangan.

Malah, kebanyakan barangan *consumables* dalam hospital tidak dikawal selia oleh mana-ma-

na pihak kerajaan.

"Ahli Parlimen PKR berpandangan ada keperluan meneliti permasalahan caj hospital swasta yang tinggi," katanya.

Justeru, selepas berjaya berjuang mengawal kenaikan premium insurans, tumpuan wakil rakyat terbabit kini adalah ke atas caj hospital swasta yang tidak munasabah.

"Kami menyeru rakyat terus bersama kami dalam perjuangan mewujudkan satu ekosistem perubatan swasta yang mampan, mampu biayai dan menang-menang kepada semua pihak. Ini suatu perjuangan yang panjang dan susah.

"Ekosistem hospital swasta yang mampan akan menyelamatkan hospital awam daripada 'overcrowding' dan meringankan pembiayaan kerajaan.

"Ini akan membantu golongan B40 mendapat rawatan yang lebih baik daripada hospital kerajaan," katanya.

Mereka turut menyeru pesakit hospital swasta yang menghadapi caj hospital swasta yang tidak munasabah mengadu kepada aduan.pkr.hospital.insurans@gmail.com.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NASIONAL

BH M/s 10 22/12/2024 (Ahad)

Isu kenaikan premium insurans kesihatan perlu penyelesaian holistik

• Kenaikan tinggi harga perkhidmatan perubatan di hospital swasta dan kekurangan ketelusan dalam caj perubatan terus menjadi 'duri dalam daging' kepada pengguna

• KKM perlu mempertimbangkan peraturan baharu bagi mengawal selia komponen caj hospital, termasuk ujian makmal, imbasan dan penggunaan peralatan perubatan

Oleh Kamarulzaidi Kamis
kamarulzaidi@bh.com.my



Pengarang Berita
Ekonomi BH

Isu kenaikan premium insurans perubatan menjadi topik hangat membelenggu rakyat Malaysia sejak kebelakangan ini, khususnya susulan langkah interim diumumkan Bank Negara Malaysia (BNM), baru-baru ini.

Langkah interim BNM adalah permulaan baik, tetapi hanya dapat memberikan kelegaan sementara kepada pemegang polisi insurans perubatan. Kenaikan tinggi harga perkhidmatan perubatan di hospital swasta dan kekurangan ketelusan

dalam caj perubatan terus menjadi 'duri dalam daging' kepada pengguna.

Ini memerlukan 'pembedahan' segera dan menyeluruh, khususnya Kementerian Kesihatan (KKM). Data dibentangkan BNM melukiskan gambaran cukup membimbangkan.

Inflasi kos perubatan di Malaysia mencatatkan kadar dua digit selama bertahun-tahun dengan purata 15 peratus setahun. Kadar ini jauh melebihi purata global sekitar 10 peratus dan Asia-Pasifik (11 peratus).

Sejak 2018, peningkatan kos perubatan signifikan direkodkan dan trend ini dijangka berterusan pada tahun hadapan. Persoalannya, mengapa kos perubatan di Malaysia jauh lebih tinggi berbanding negara lain?

Adakah faktor kos operasi, teknologi perubatan, atau adakah wujud unsur mengaut keuntungan berlebihan dikenakan pihak tertentu? Selain itu inflasi kos perubatan, peningkatan penggunaan perkhidmatan perubatan, terutama selepas pandemik COVID-19 turut menyumbang kepada kenaikan kos.

Data menunjuk peningkatan penggunaan perkhidmatan perubatan, contohnya jumlah tuntutan insurans dan takaful kesihatan meningkat daripada tujuh orang bagi setiap 100 polisi pada 2020 kepada sembilan orang pada masa kini. Kekerapan tuntutan yang lebih tinggi ini telah memberi tekanan kepada syarikat insurans dan takaful untuk menyesuaikan premium bagi memastikan mereka mampu menampung tuntutan.

Namun, adakah peningkatan ini disebabkan kesadaran kesihatan semakin meningkat dalam kalangan masyarakat atau terdapat faktor lain menyumbang kepada peningkatan ini, seperti peningkatan penyakit kronik atau faktor persekitaran?

Antara isu terbesar menimbulkan keresahan dalam kalangan pengguna adalah kekurangan ketelusan dalam caj perubatan di hospital swasta.

Kajian menunjukkan perbezaan besar antara bil

pesakit menggunakan surat jaminan (GL) insurans dan mereka membayar sendiri. Sebagai contoh, kos rawatan denggi bagi pesakit dengan GL sekitar RM4,978, manakala pesakit tanpa GL hanya RM1,288.

Perbezaan ini jelas menunjukkan wujud amalan diskriminasi harga tidak beretika. Ketelusan dalam caj perubatan adalah hak asas pesakit dan hospital swasta perlu dipertanggungjawabkan untuk memberikan butiran caj jelas dan mudah difahami.

Selain itu, terdapat keluhan hospital swasta sering mengenakan caj tinggi untuk barang keperluan, contohnya sarung tangan getah atau peralatan perubatan lain.

Penyelesaian kenaikan premium insurans perlukan kerjasama erat antara semua pihak berkepentingan, termasuk hospital swasta, kerajaan dan syarikat insurans

Komponen ini menyumbang sekitar 59 hingga 70 peratus daripada keseluruhan bil perubatan, sekali gus membebankan pesakit dan meningkatkan kadar premium insurans.

Adakah caj ini benar-benar mencerminkan kos sebenar atau terdapat elemen *mark-up* berlebihan? Ketelusan dalam setiap aspek caj perubatan penting untuk membina kepercayaan antara pesakit dan penyedia perkhidmatan kesihatan.

Bukan selesaikan masalah teras

Sebagai pengawal selia syarikat insurans dan takaful, BNM memperkenalkan langkah interim untuk mengawal kenaikan premium. Langkah ini termasuk menetapkan semula harga produk insurans perubatan dan kesihatan supaya kekal berdaya saing.

Namun, langkah ini semata-mata bertujuan memastikan syarikat insurans mampu menampung kos tuntutan, bukan meningkatkan keuntungan mereka. Walaupun langkah ini memberikan sedikit kelegaan kepada pengguna, ia tidak menyelesaikan masalah teras menyebabkan kenaikan premium.

Penyelesaian jangka panjang memerlukan pembabit aktif KKM dalam merombak sistem pen-

jagaan kesihatan negara. Antara inisiatif dimulakan adalah model pembayaran berkaitan diagnosis (DRG), bertujuan mengawal kos rawatan melalui penetapan harga standard berdasarkan diagnosis.

Langkah ini penting untuk memastikan caj hospital swasta lebih telus dan berpatutan. Namun, pelaksanaan DRG perlu diperluaskan dan diperkasan lagi supaya impaknya dapat dirasakan semua lapisan masyarakat.

KKM juga perlu mempertimbangkan memperkalkan peraturan baharu bagi mengawal selia komponen caj hospital, termasuk ujian makmal, imbasan dan penggunaan peralatan perubatan.

Ketiadaan kawalan selia ketat hanya membuka ruang kepada amalan penentuan harga sewenang-wenangnya oleh hospital swasta. Pindaan undang-undang diperlukan untuk memberikan KKM kuasa mengawal selia harga perkhidmatan dan bekalan hospital secara lebih menyeluruh.

Penyelesaian kepada isu ini memerlukan kerjasama erat antara semua pihak berkepentingan, termasuk hospital swasta, kerajaan dan syarikat insurans.

Hospital swasta perlu memainkan peranan aktif dengan menyokong pelaksanaan DRG dan meningkatkan ketelusan dalam penerbitan kos rawatan. Kerajaan pula boleh mempertimbangkan pembelian secara pukal untuk mengurangkan kos bekalan perubatan dan mewujudkan dana khas untuk menampung kos perubatan bagi golongan memerlukan.

Syarikat insurans juga perlu lebih proaktif menawarkan produk insurans inovatif dan mampu milik serta meningkatkan kecekapan operasi untuk mengurangkan kos *overhead*.

Umum mengetahui undang-undang semasa tidak membenarkan KKM mengawal selia caj hospital, kecuali untuk khidmat perundingan doktor. Ini satu kelemahan perlu ditangani segera. Pindaan undang-undang diperlukan untuk memberi kuasa tambahan kepada KKM mengawal selia caj hospital swasta.

Dengan kuasa ini, KKM dapat menetapkan penanda aras adil untuk caj hospital, sekali gus memudahkan penguatkuasaan dan melindungi hak pengguna. Penyelesaian jangka panjang memerlukan pendekatan menyeluruh yang membabitkan KKM, hospital swasta dan syarikat insurans.

Usaha untuk meningkatkan ketelusan, mengawal kos perubatan dan memperkenalkan peraturan baharu adalah langkah kritikal ke arah menangani isu ini. Tanpa penyelesaian terhadap punca sebenar masalah, kenaikan premium insurans akan terus membebankan rakyat.

Oleh itu, semua pihak perlu komited mencari penyelesaian holistik dan berkesan demi memastikan sistem insurans perubatan di Malaysia kekal mampan dan mampu milik untuk semua.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

SUNDAY STAR, SUNDAY 22 DECEMBER 2024

Nation 5

Concerns remain despite insurance premium hike limits

By CHARLES RAMENDRAN
charles.ramen@thestar.com.my

PETALING JAYA: Despite Bank Negara capping insurance premium hikes at 10% per annum, there is lingering concern among medical insurance policyholders on whether they can still afford their policies.

According to them, the central bank's announcement only came as a temporary relief.

Medical insurance policy holder R. Nandan said although he is relieved to know any increase in premiums will be minimal next year, he dreads the thought of what would happen if insurance companies are "hell-bent" on raising prices.

While the 52-year-old executive forks out around RM20,000 a year for insurance premiums for himself and four other family members, they have not extensively utilised their medical insurance which was bought over a decade ago.

"The planned increase in premiums is solely based on the rise of medical cost."

"I do not think this is right. An increase to a fair degree is acceptable but up to 70% is

Fixing costly insurance

Come tomorrow, insurance players, Bank Negara and Health Ministry officials will be summoned to give their take on rising health insurance premiums. The Parliamentary Special Select Committee will then propose a feasible solution to end the dispute. Consumers, meanwhile, want private hospitals to justify the price hike. > See reports on page 4 by RAGANANTHINI VETHASALAM

Co-payments must be affordable

PSSC: Move will keep premiums down, ensure healthcare service continuity

High premiums, fewer perks

Experts warn that employees could be on the losing end

In the spotlight: Excerpts from *The Star's* recent reports on concerns expressed over the insurance premium hikes.

exorbitant. Is this justified?

"Private hospitals should be investigated if its charges are reasonable or if it amounts to

profiteering," he said.

To keep their charges low, Nandan said patients should be given the option to use generic

drugs and unnecessary healthcare tests should not be imposed, noting that there seems to be little scrutiny on how a private hospital imposes charges for its services.

Nandan said insurance companies should offer generous discounts annually to policyholders who do not claim from their medical insurance.

Another medical insurance policyholder, who only wanted to be known as Lam, said he is concerned over the repricing and doubtful that Bank Negara's measures would be long lasting.

Despite not making any claims, Lam, who is in his 50s, said his premiums have doubled since he purchased the policy more than 12 years ago.

He urged Bank Negara to scrutinise healthcare charges imposed by the private hospitals, which are based on a patient's mode of payment.

Citing an example, Lam said his relative who was treated for meningitis at a government hospital for three weeks only had to pay RM15,000, whereas a friend of his who sought treatment at a private hospital for the same infection with medical insurance was

charged RM75,000.

"How could charges be more than five fold at a private hospital? I understand if it is double the charges at government hospitals," he said.

Lam also claimed that charges at private hospitals appear to be much higher if one pays with medical insurance compared to paying out of pocket.

"Are charges not supposed to be in uniform regardless of how one pays?" Lam questioned.

Senior insurance consultant Leonard Tan said any steep increase of medical insurance premiums on the grounds of rising healthcare costs could be avoided if private hospital charges were regulated by the Health Ministry.

Financial adviser in life and medical insurance A. Devadason said with the announcement, retirees could reinstate their policies without having to dig deeper into their savings to keep their policies active.

"Bank Negara's move is favourable but these stop gap measures are just a temporary 'band aid'," he said.

> TURN TO PAGE 10

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NATIONS

NST M/S 11 NATIONS 22/12/2024 (AHAD)

DISGUISED AS GAMES, FOOD

Concealed vape products seized

JOHOR BARU: The Johor Health Department seized 989 vape or electronic cigarette products worth RM34,158, including items disguised as games and food, during a special operation conducted on Wednesday and Thursday.

State health director Dr Mohtar Pungut said the operation resulted in 11 offence notices being issued under Section 47 of the Control of Smoking Products for Public Health Act.

"In Johor, the sale of vape products at business premises located within local authority areas is prohibited under the Licensing, Business Trade and Industrial By-Laws.

"The department strongly advises premises owners and business operators to refrain from

selling vape products in Johor, particularly those disguised as games or food," he said in a statement yesterday.

Dr Mohtar added that the department would continue conducting such operations, in line with the enforcement of the Act, which began on Oct 1.

"This operation aims to ensure compliance with the ban on the promotion, advertising, packaging and labelling of disposable pod-type smoking materials designed to resemble games and food."

He said that to date, 6,097 premises have been inspected, with 1,021 offence notices issued for various violations.

"The state health department takes the negative impact of increasingly widespread smoking

*Dr Mohtar Pungut*

practices seriously, particularly unethical promotions targeting children and teenagers," he added. **Bernama**

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NEGARA

Kosmo! Ahad 22 DISEMBER 2024

Negara! 9

KOSMO M/S. 9 NEGARA 22/12/2024 (AHAD)

Empat lelaki ditahan dalam dua serbuan di Kota Bharu dan Kuala Lumpur

Jual senjata tiruan dalam *live* TikTok

Oleh TUAN NURHIDAYAH
TUAN AB GHANI

KUALA LUMPUR – Seramai tiga lelaki termasuk seorang warga asing ditahan kerana menjual laras senjata tiruan melalui platform dalam talian menerusi dua serbuan berasingan dijalankan di Kota Bharu, Kelantan dan Jalan Raja Laut, di sini, pada 17 dan 18 Disember lalu.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA), Datuk Seri Azmi Abu Kassim berkata, kejayaan dalam Op Taring Bravo 3 (senjata tiruan), Op Bersepadu Khazanah (OBKJ) dan Op Taring DOS (ubat-ubatan) adalah hasil risikan oleh Wildlife Crime Bureau/Perisikan Siasatan Khas Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Wildlife Crime Bureau/Perisikan Siasatan Khas (WCB/PSK), JKDNKA.

Katanya, pasukannya menahan seorang lelaki tempatan dan merampas sebanyak 32 laras senjata tiruan serta dua ekor burung murai batu yang disimpan tanpa permit sah ketika serbuan di



SEBAHAGIAN senjata laras tiruan yang dirampas dalam stok jualan sebelum serbuan dibuat di Kota Bharu, Kelantan pada 17 Disember lalu.

premis di Kota Bharu, Kelantan pada 17 Disember lalu.

"Siasatan awal mendapati suspek berusia 34 tahun itu telah menjalankan perniagaan menjual senjata tiruan melalui platform *live* TikTok dalam talian sejak beberapa bulan yang lalu.

"Pemeriksaan lanjut di premis tersebut menemukan dua ekor burung murai batu yang disimpan tanpa permit yang sah mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) selain merampas beberapa kotak yang mengandungi ubat-ubatan

tanpa kelulusan Kementerian Kesihatan (KKM).

"Kes disiasat di bawah Akta Senjata 1960, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) dan Peraturan-Peraturan 1(a) Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984," jelasnya.

Ekoran tangkapan itu, pihaknya kemudian menahan dua lelaki termasuk seorang warga asing yang disyaki pembekal senjata berkenaan dalam operasi kedua di ibu negara pada 18 Disember lalu, kerana memiliki 637 laras senjata tiruan.

"Keseluruhan nilai rampasan bagi kedua-dua operasi ini dianggarkan berjumlah RM436,971 dan kes disiasat di bawah Akta Senjata 1960," ujarnya.

Dalam pada itu, kata Timbalan Pengarah JKDNKA (WCB/PSK), Senior Asisten Komisioner Azlin Sadari, suspek kedua dan ketiga berperanan sebagai pembekal senjata yang diperolehi dari luar negara.

"Suspek pertama (di Kelantan) melakukan jualan secara dalam talian sahaja, manakala suspek kedua dan ketiga (Kuala Lumpur) bertindak sebagai pembekal dan jual secara fizikal di kedai mereka.

"Berdasarkan siasatan kami, senjata tiruan ini dijual dengan harga serendah RM150 hingga RM500, bergantung kepada jenis senjata itu sendiri," jelasnya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

BH M/S 18 NASIONAL 22/12/2024 (AHAD)

Polis tahan 3 lelaki, rampas senjata tiruan RM436,000

Kuala Lumpur: Polis menahan tiga lelaki dan merampas 669 senjata tiruan dianggarkan bernilai lebih RM436,000 dalam dua serbuan berasingan di Jalan Raja Laut, di sini dan Kota Bharu, Kelantan.

Dalam dua serbuan Selasa dan Rabu lalu itu, polis turut merampas dua burung murai batu yang disyaki disimpan tanpa permit serta pelbagai ubat-ubatan tanpa kelulusan Kementerian Kesihatan (KKM).

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) Bukit Aman, Datuk Seri Azmi Abu Kassim, berkata dalam serbuan pertama di Kota Bharu, pihaknya menahan seorang lelaki tempatan yang disyaki menjual senjata tiruan secara dalaman.

Beliau berkata, sebanyak 32



Antara senjata tiruan yang dirampas dalam dua serbuan berasingan di Kuala Lumpur dan Kota Bharu. (Foto ihsan PDRM)

senjata tiruan turut dirampas dalam serbuan itu.

"Hasil pemeriksaan lanjut, kita menemui dua ekor murai batu yang disyaki disimpan tan-

pa permit sah mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716).

"Turut dirampas beberapa kotak yang mengandungi ubat-

ubatan tanpa kelulusan KKM. Kes disiasat mengikut Peraturan Peraturan 1(a) Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984," katanya dalam kenyataan, semalam.

Azmi berkata, siasatan awal mendapati suspek menjalankan perniagaan menjual senjata tiruan melalui platform dalam talian sejak beberapa bulan lalu.

"Dalam serbuan kedua di Jalan Raja Laut di sini, pada Rabu lalu, kita menangkap dua lelaki, termasuk seorang warga asing serta merampas 637 laras senjata tiruan yang disyaki turut dijual secara dalaman.

"Keseluruhan nilai rampasan bagi kedua-dua operasi ini dianggarkan berjumlah RM436,971. Semua tiga suspek daripada kedua-dua serbuan berusia antara 28 hingga 45 tahun kini ditahan untuk siasatan lanjut," katanya.

Katanya, kedua-dua kes rampasan senjata tiruan disiasat mengikut Akta Senjata 1960.

Azmi berkata, kedua-dua serbuan ini dilaksanakan menerusi Op Taring Bravo 3 (senjata tiruan), Op Bersepadu Khazanah (OBK) dan Op Taring Dos (ubat-ubatan) oleh Wildlife Crime Bureau (WCB) dan Perisikan Siasatan Khas (PSK) JKDNKA.

"Kita memberi jaminan akan mempergiatkan risikan dan operasi bagi menjejaki serta membanteras kegiatan ini dengan lebih fokus dan berkesan demi keselamatan masyarakat dan ketenteraman awam.

"Orang awam digalakkan memberi maklumat kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk membantu membanteras jenayah ini sepenuhnya," katanya.